

21hb Januari 2013

YBhg. Dato' Sri Ab Aziz Kasim,
Ketua Setiausaha Sulit kepada
YAB Perdana Menteri Malaysia,
Pejabat Perdana Menteri,
Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya.
Fax : 03 – 8888 3444

YBhg. Dato' Sri,

TETAMU KHAS MALAM WARTAWAN MALAYSIA 2013, ANJURAN MPI

Setelah berbincang dengan Setiausaha Akhbar YAB Perdana Menteri, Datuk Tengku Sariffuddin, MPI memutuskan untuk menunda penganjuran Malam Wartawan Malaysia 2013 (MWM'13) yang dijadualkan pada 29 Mac 2013.

YBhg Datuk Tengku juga mencadangkan agar majlis tersebut diadakan selepas pertengahan April 2013 kerana menjelang waktu itu, PRU 13 sudah selesai dan Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Mengambilkira hakikat itu, Majlis Pentadbir MPI dalam mesyuarat yang diadakan pada 10 Januari 2013 telah memutuskan untuk menganjurkan MWM'13 pada **Jumaat, 19 April 2013** di Kuala Lumpur.


Saya dengan rendah hati memanjangkan undangan kepada YAB Perdana Menteri untuk menjadi tetamu kehormat pada malam tersebut.

Sekiranya tarikh 19 April 2013 tidak sesuai dengan kelapangan YAB Perdana Menteri, saya mohon pihak YBhg Dato' Sri untuk mencadangkan tarikh lain selari dengan jadual YAB Perdana Menteri.

Kerjasama YBhg Dato' Sri mengatur tarikh tersebut didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Salam hormat,



DATUK CHAMIL WARIYA
Ketua Pegawai Eksekutif

s.k YBhg. Datuk Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad
Setiausaha Akhbar kepada
Perdana Menteri Malaysia